

PERSEPSI PELAJAR SPI TERHADAP AMALAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM PEMBELAJARAN

Azmi Shah Bin Suratman & Mohd Fariiqul Amin Bin Mohd Rosli

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Dalam era globalisasi terkini, dengan hanya mempunyai pencapaian akademik sahaja tidak akan mencukupi bagi graduan untuk diterima bekerja oleh mana-mana majikan. Mereka perlu memiliki kemahiran-kemahiran tambahan yang dinamakan Kemahiran Insaniah. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi pelajar SPI terhadap Kemahiran Insaniah. Seramai 80 responden terpilih sebagai sampel kajian ini. Kajian deskriptif ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik yang dibina dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Secara umumnya, bahagian A merangkumi item-item soal selidik berkaitan latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi item-item soalan berkaitan kefahaman pelajar terhadap Kemahiran Insaniah, pengamalan pelajar terhadap elemen Kemahiran Insaniah dan kepentingan Kemahiran Insaniah dalam pembelajaran. Data kajian dianalisis dengan membantuan perisian Statistical Package For Social Science(SPSS) versi 12.0. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar SPI mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap Kemahiran Insaniah. Pengamalan elemen-elemen Kemahiran Insaniah juga adalah tinggi dalam kalangan pelajar SPI. Mereka juga menyedari bahawa Kemahiran Insaniah adalah penting dalam pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan telah dibuat bagi memantapkan lagi penguasaan dan pengamalan terhadap elemen-elemen Kemahiran Insaniah supaya pelajar SPI lebih terampil serta dapat mengaplikasikan Kemahiran Insaniah dalam setiap perkara yang dilakukan.

ABSTRACT: This study is carried out to find out SPI students' perception's level on Generic Skills. As many as 80 selected respondents as this research sample. This descriptive study is conducted with method used questionnaire. Questionnaire built divided into two parts, as part A and part B. Generally, A's part include questionnaire items related respondent background. B's part contain question items related students' perception on Generic Skills, student implementation on element Generic Skills and essential of Generic Skills in learning. Study data analyzed with helping Statistical Package For Social Science's software(SPSS) version 12.0. Retrieval research showed that SPI's student having high comprehension on Generic Skills. Elements implementation of Generic Skills also high in SPI's students. They also realized that Generic Skills would be vital in learning. Based on this study findings, some suggestions has been made to stabilize more mastery and implementation on elements Generic Skill so that SPI's student more efficient and also able to apply The Generic Skills in every matter which carried out.

Kata Kunci: Statistical Package For Social Science(SPSS), Kemahiran Insaniah

PENGENALAN:

Isu Kemahiran Insaniah sedang hangat dibincangkan di peringkat IPT. Ini kerana banyak majikan mengemukakan masalah dalam pengambilan para graduan untuk bekerja. Mereka dikatakan tidak dapat melaksanakan tugas dan kerja yang diberikan mengikut spesifikasi kerja. Hal ini timbul kerana mereka kekurangan kemahiran-kemahiran tambahan yang sepatutnya mereka miliki sebelum mereka diterima bekerja oleh mana-mana majikan. Kekurangan kemahiran-kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan dan kemahiran menyelesaikan sesuatu masalah menyebabkan banyak tugas-tugas yang diberikan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Penyataan Masalah

Fenomena pengangguran yang berlaku pada hari ini menunjukkan kepada kita bahawa masih terdapat kekurangan pada diri para graduan meskipun mereka mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan-peperiksaan yang mereka duduki. Untuk itu mereka perlu mempersiapkan diri mereka dengan Kemahiran Insaniah. Mereka juga dapat menggarap kemahiran-kemahiran ini sewaktu mereka menuntut di IPT. Kegagalan mereka memiliki Kemahiran Insaniah dalam waktu pengajian mereka di IPT mengakibatkan masalah-masalah yang telah dibincangkan sebelum ini.

Pada umumnya, mahasiswa rata-rata universiti inginkan graduan yang dilahirkan telah dilengkapi dengan pelbagai kemahiran, khususnya Kemahiran Insaniah. Oleh yang demikian, Universiti Teknologi Malaysia telah memperkenalkan Kemahiran Insaniah ini dan menyenaraikan 7 elemen yang perlu dikuasai daripada Kemahiran Insaniah dalam Atribut UTM. Pihak universiti berharap mahasiswa berusaha untuk menguasai elemen-elemen Kemahiran Insaniah tersebut.

Kemahiran Insaniah boleh dikuasai oleh mahasiswa melalui beberapa cara. Secara umumnya, terdapat dua cara yang membolehkan mahasiswa menguasai Kemahiran Insaniah, iaitu melalui pembelajaran langsung dan pembelajaran secara tidak langsung. Pembelajaran langsung bermaksud mahasiswa diterapkan dengan Kemahiran Insaniah dalam sukanan pengajian mereka di universiti, manakala pembelajaran tidak langsung dapat difahami dengan penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut melalui aktiviti-aktiviti di luar bilik kuliah. Mereka dapat menguasainya dengan melakukan aktiviti-aktiviti kokurikulum dan sebagainya seperti berusaha niaga, berpersatuan, melaksanakan sesuatu tugas secara berkumpulan dan sebagainya. Usai pengajian mereka di universiti, mereka akan memiliki kemahiran-kemahiran tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir mahasiswa yang tidak prihatin dengan isu yang dibincangkan ini. Mereka menganggap keputusan peperiksaan yang baik dan segulung ijazah telah memadai untuk membuatkan mereka diterima bekerja. Terkadang mereka lupa atau terlepas pandang dengan beberapa isu hangat terkini seperti masalah lambakan graduan menganggur, masalah kegawatan ekonomi global dan sebagainya. Masalah-masalah tersebut pastinya akan memberi pengaruh besar dalam pengambilan pekerja baru.

Justeru, kajian ini diharap dapat memberikan beberapa syor kepada mahasiswa supaya memperkemaskan diri mereka dengan Kemahiran Insaniah. Selain itu, juga bertujuan untuk melihat secara khusus persepsi pelajar SPI terhadap kemahiran Insaniah. Pengkaji berharap dapanan kajian dapat diadaptasi oleh para mahasiswa Pengajian Islam umumnya, dan pelajar SPI khususnya dalam penyampaian dakwah dan penerapan Islam dalam masyarakat supaya dakwah yang dilakukan lebih efektif dan berkesan.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap Kemahiran Insaniah.
2. Mengenal pasti pengamalan elemen-elemen Kemahiran Insaniah dalam pembelajaran.
3. Mengenal pasti kepentingan Kemahiran Insaniah dalam pembelajaran.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan dan kesinambungan kepada pelbagai pihak khususnya kepada pelajar dan pensyarah. Pengkaji berharap kajian ini akan dapat memberikan beberapa syor kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk meningkatkan lagi penguasaan Kemahiran Insaniah dalam kalangan mahasiswa, seterusnya melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi turut dilengkapi dengan pakej yang terbaik untuk membolehkan mereka diterima bekerja.

Justeru, pengkaji berharap para pelajar dan pensyarah boleh melihat sejauh manakah pengetahuan dan kefahaman para pelajar terhadap Kemahiran Insaniah ini. Dengan ini diharap akan timbul kesedaran dalam diri pelajar akan kepentingan Kemahiran Insaniah kepada mereka sebelum mereka bergerak melangkah ke dunia pekerjaan.

Kajian ini juga penting kepada para pensyarah sebagai rujukan kepada mereka dalam menjelaskan kepada pelajar akan kepentingan Kemahiran Insaniah. Para pensyarah juga sangat berperanan terutamanya dalam memberi galakan kepada para pelajar supaya mereka menceburkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran-kemahiran yang ada pada diri mereka. Sekiranya para pelajar tidak diingatkan untuk berusaha mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai keperluan dan kemahiran nescaya mereka hanya akan membuang masa tanpa melakukan sebarang aktiviti yang berfaedah di bilik masing-masing. Malahan ada yang akan terus menerus menghabiskan masa dengan permainan komputer atau berborak kosong.

Selain itu, diharapkan melalui kajian ini, para pelajar akan peka dengan isu yang dibincangkan seterusnya akan cuba menggarap kemahiran-kemahiran yang diperlukan semasa mereka berada di universiti. Mereka juga diharapkan dapat mengamalkan apa yang telah diberikan oleh para pensyarah dalam proses pembelajaran agar dapat meningkatkan Kemahiran Insaniah yang cuba diterapkan oleh pensyarah mereka

Selain itu, kajian ini juga penting kepada pihak universiti. Pihak universiti juga dapat merancang kurikulum baru untuk penerapan Kemahiran Insaniah dalam diri pelajar. Kemahiran Insaniah biasanya diperoleh secara tidak langsung atau secara tidak formal tetapi perkembangannya akan menjadi lebih sistematis dan berkesan jika dirancang dan diterapkan dalam reka bentuk kurikulum program akademik (Khairi Izwan Abdullah *et al.* 2004).

Sehubungan itu, pihak universiti boleh melihat dan menilai kembali tahap perlaksanaan kurikulum dan ko-kurikulum masing-masing sama ada kemahiran-kemahiran penting ini diterapkan kepada para pelajar atau sebaliknya. Ini kerana universiti dapat menerapkan elemen-elemen Kemahiran Insaniah yang telah ditetapkan dalam diri pelajar melalui pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian ini juga penting kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Mereka perlu melihat kembali perlaksanaan dan pembangunan Kemahiran Insaniah di IPT secara menyeluruh. Dalam usaha untuk membentuk satu generasi masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pelbagai bidang, pihak kementerian perlu merangka pelan strategik yang lebih baik berdasarkan dapatan-dapatan kajian yang disediakan ini serta kajian dan pemantauan lain yang dilaksanakan.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat amalan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), di Universiti Teknologi Malaysia. Untuk itu, perbincangan kajian adalah berkisar kepada tujuh elemen kemahiran insaniah seperti mana kriteria Universiti Teknologi Malaysia iaitu kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan, penyelesaian

masalah, fleksibel atau mampu menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri serta etika dan moral. Walau bagaimanapun, elemen yang disenaraikan ini adalah sedikit berbeza dengan elemen Kemahiran Insaniah yang dinyatakan oleh Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

METODOLOGI

Populasi Kajian

Menurut Mohamad Najib b. Abdul Ghafar (1999), populasi kajian adalah terdiri daripada semua ahli dalam kelompok kajian. Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada mahasiswa daripada jurusan Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, iaitu sebanyak 234 orang. Responden kajian pula terdiri daripada mahasiswa daripada jurusan Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia untuk sesi pengajian 2008/09. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini kepada populasi ini kerana mereka adalah terdiri daripada pelajar jurusan Pengajian Islam. Pengkaji berkeyakinan bahawa mereka ini akan keluar menjadi seorang guru dan akan dipertanggungjawabkan terhadap tugas-tugas yang mencabar, seperti mengendalikan disiplin pelajar, mengendalikan sesuatu program dan sebagainya.

Selain itu, mereka juga akan terlibat dengan pengurusan dan dakwah kerana mereka telah mengambil kursus Pengurusan dan Kaedah Dakwah dalam pengajian mereka di UTM. Justeru, pengkaji berkeyakinan sekiranya mereka menguasai Kemahiran Insaniah ini, pengurusan dan gerak kerja mereka akan lebih lancar dan efektif. Tambahan pula, mereka berpeluang untuk mendalami kemahiran-kemahiran ini kerana mereka terpilih untuk menyambung pelajaran di UTM. Di samping kemahirankemahiran yang dibincangkan dalam bab 2, mereka turut berpeluang mendalami disiplin-disiplin ilmu teknikal lain yang akan memungkinkan mereka ini menjadi seorang yang profesional.

Sampel Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah rawak mudah dalam menentukan sampel kajian ini. Jumlah pelajar SPI di UTM adalah sebanyak 234 orang pelajar. Menurut Mohamad Najib b. Abdul Ghafar (1999), 30 peratus daripada jumlah populasi sudah mencukupi untuk dijadikan sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada 35 peratus populasi kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 80 orang pelajar SPI, iaitu 35 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar SPI.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah penting bagi menjalankan sesuatu penyelidikan. Penyelidik boleh menggunakan instrumen yang telah sedia ada yang telah dibina oleh orang lain atau membina instrumen sendiri selidik (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ni adalah berbentuk soal selidik kerana ia dapat membantu mempertingkatkan lagi ketepatan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel, selain itu juga kerja yang dijalankan akan lebih terancang(Mohd Majid Konting, 2004).

Soal selidik boleh digunakan untuk mengukur persepsi, sikap, motivasi, perasaan, pandangan dan istilah-istilah yang boleh dirangkumkan sebagai nilai efektif. Tingkah laku efektif boleh dikelaskan kepada beberapa kategori untuk melambangkan nilai mengikut hierarki atau kepentingan. Misalnya minat seseorang kepada sesuatu perkara boleh dikelaskan kepada minat, kurang minat, tidak berminat atau sangat tidak berminat (Mohamad Najib b. Abdul Ghafar, 1999). Penyediaan item-item soal selidik adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Siti Khadijah Binti Said (2007) sebelum ini namun pengubahaan dilakukan bagi mengikut keperluan objektif kajian ini.

Kajian Rintis


Kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan item soalan yang dibina akan memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian yang akan dijalankan. Kajian rintis ini dijalankan terhadap mahasiswa dari jurusan Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Sains Sukan). Ini kerana mereka telah mendapat latihan dan disediakan dengan beberapa kemahiran-kemahiran seperti kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyesuaikan diri dalam kumpulan dan sebagainya dalam pembelajaran mereka. Justeru pengkaji memilih mereka sebagai responden dalam kajian rintis.


Kajian rintis dijalankan oleh pengkaji atas beberapa sebab:

- a) Untuk memastikan penggunaan istilah dan maklumat dan struktur ayat tidak mengelirukan responden untuk menjawabnya.
- b) Untuk mengetahui sejauh manakah responden memahami setiap soalan dalam item yang diberikan dan seterusnya responden dibenarkan untuk bertanya jika tidak faham dengan item yang diberikan oleh pengkaji.
- c) Untuk mengetahui sama ada soalan-soalan yang digunakan sesuai ataupun tidak untuk digunakan.

Hasil dapatan daripada kajian rintis ini digunakan untuk mendapatkan hasil dapatan kepada kajian sebenar. Menurut Mohamad Najib b. Abdul Ghafar (2003), kebolehpercayaan yang tinggi apabila indeks kebolehpercayaan melebihi 0.8. Setelah kajian rintis selesai dijalankan, dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science For Windows 14.0 (SPSS)*.. Daripada kajian rintis yang dijalankan, indeks kebolehpercayaan yang diperoleh ialah 0.919 ($N=20$).

Prosedur Kajian





Jadual 1 Prosedur Kajian

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dan perbincangan yang dibuat maka dapatlah dibuat beberapa kesimpulan dan rumusan secara keseluruhan. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1 Pengetahuan Pelajar SPI terhadap Kemahiran Insaniah adalah di tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, ianya masih boleh ditingkatkan lagi.
- 2 Elemen-elemen yang terdapat dalam Atribut UTM perlu dihebahkan kepada para pelajar supaya mereka tidak ketinggalan daripada berusaha menyediakan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran yang penting sepermulaan yang diharapkan oleh pihak universiti.
- 3 Elemen-elemen Kemahiran Insaniah juga telah diamalkan oleh pelajar SPI dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun kemahiran-kemahiran ini belum dikuasai sepenuhnya oleh para pelajar. Justeru, pelajar perlu berusaha melatih diri mereka supaya mereka dapat menguasai kemahiran-kemahiran ini.
- 4 Pengkaji berpendapat bahawa dalam menyediakan graduan yang memiliki Kemahiran Insaniah, pihak-pihak yang terlibat perlu bekerjasama terutamanya dalam menyediakan prasarana untuk pelajar menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh memantapkan kemahiran-kemahiran yang dibincangkan dalam kajian ini.
- 5 Pelajar seharusnya mengambil perhatian terhadap isu Kemahiran Insaniah ini kerana cabaran dalam pekerjaan memerlukan mereka mempunyai Kemahiran Insaniah.

RUMUSAN

Kemahiran Insaniah adalah sesuatu yang amat penting bagi graduan sebelum mereka melangkah kaki ke dalam pekerjaan. Seharusnya mahasiswa berusaha untuk menggarap kemahiran-kemahiran yang diperlukan ini dalam tempoh masa pengajian mereka di IPT. Kemahiran Insaniah boleh digarap dalam pelbagai bentuk sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru masa yang ada perlulah digunakan

dengan sebaik mungkin. Dengan pelbagai langkah dan cadangan yang diutarakan secara tidak langsung dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan ini khususnya kepada pelajar SPI, seterusnya akan melahirkan graduan-graduan yang cemerlang, gemilang dan terbilang dari segenap aspek yang diperlukan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ismail (2002). *Menyemai Keyakinan Diri Untuk Berjaya*. Kuala Lumpur : Al- Hidayah Publisher.
- Abdul Rahman Md Aroff (1999). *Pendidikan Moral Teori Etika Dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2003). *Memimpin Diri Sendiri*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amy Driscoll (1995). *Cases In Early Childhood Education : Stories Of Programs And Practices*. Boston : Allyn & Bacon.
- Azalya Ayob (2003). *Kepentingan Kemahiran Generik Di Kalangan Pekerja Di Industri Elektrik/Elektronik Di Bayan Lepas, Pulau Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda
- Clay Carr (1992). *Team Power, Lesson From America's Top Companies on Putting Teampower to Work*. New Jersey: Prentice Hall.
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan profesionalisme Perguruan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail b. Mustari (2008), *Forum Pengurusan Cinta Remaja*. Politeknik Johor Bahru pada 14 Mac 2008.
- KH. Adib Bisri Mustofa (1999). *Terjemahan Muslim, Jilid Keempat*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Khairulhelmi Katib, Bazitah Abu Bakar, Florence Fletcher Malia (2005). *Tinjauan Pelaksanaan Pembelajaran Berkumpulan Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Di Johor Bahru*. Dlm: Seminar Pendidikan 2006. Fakulti Pendidikan UTM.
- Luqman Hakim (2001). *Sejarah Para Anbiya'*. Kuala Lumpur: Al Hidayah Publisher.
- Martin Perry (2005). *Confidence Booster: 10 Steps to beating self-doubt*. Great Britain: Hamlyn, Octopus Publishing Ltd.